



22 Petua Mudah Hafal Al-Quran

(Edisi 2017)

Penulis:

SUHILI NAIN

www.facebook.com/suhili.nain

Pereka Ecover 3D:

SUHIMI NAIN

www.facebook.com/suhimi.nain

Anda dialu-alukan untuk sebarkan ebook ini kepada rakan-rakan anda.

Kongsikan ebook ini melalui Facebook, Telegram, WhatsApp, Blog, Emel dan seumpamanya tanpa lakukan sebarang perubahan.

Sekiranya anda temui sebarang kesilapan dan kekurangan dalam ebook ini, silakan untuk hubungi saya melalui Facebook saya agar saya dapat membetulkannya.

Semoga ebook kecil ini bermanfaat buat anda yang membaca! 😊

Isi Kandungan

Isi Kandungan.....	4
Penulis – Suhili Nain.....	6
Mengapa Tidak Berjaya Menghafal Al-Quran?	9
Bahagian 1: 22 Petua Mudah Hafal Al-Quran.	11
1. Niat dan Kemahuan	12
2. Mulakan Sekarang.	13
3. Tetapkan Tempoh yang Jelas.....	15
4. Pecahkan Menjadi Bahagian Kecil.	16
5. Menghafal Waktu Pagi.	17
6. Cari Guru atau Mentor.	18
7. Gunakan 1 Mushaf Khusus.	20
8. Pilih Sahabat dan Kawan.....	21
9. Jauhi Maksiat.....	22
10. Berdoa Kepada Allah SWT.....	24
11. Ulang Hafalan Setiap Hari.	26
12. Manfaatkan Bulan Ramadhan.....	28
13. Fahami Al-Quran.	29
14. Tulis atau Salin.	30
15. Dengar Bacaan Al-Quran.....	31
16. Baca Dalam Solat.....	33

17.	Jadilah Al-Quran Yang Berjalan.	34
18.	Ajarkan Al-Quran.....	35
19.	Utamakan Kualiti Hafalan.....	37
20.	Bersederhana Dalam Usaha.	39
21.	Jangan Putus Asa.....	40
22.	Raikan Kejayaan Kecil.....	41
	Bahagian 2: Bicara Tentang Al-Quran.	43
	Berkat Membaca Al-Quran.	44
	Permulaan Ilmu Menghafal Al-Quran.	45
	Al-Quran Sebagai Buku Manual Kehidupan.	46
	Aplikasi Al-Quran dalam Telefon Pintar.	48
	Menghafal dan Mengulang dalam Perjalanan.	49
	Hafalan Nombor Ayat Bagi Surah Al-Quran.	50
	Menambah Iman dengan Al-Quran.	51
	Peta Menuju Syurga.....	52
	Bacalah Tafsir Al-Quran.	53
	Menyemai Al-Quran dalam Minda Anak.....	54
	Menghafal Al-Quran Kewajipan Penuntut Ilmu.	55
	Kereta, Hati dan Al-Quran.....	56
	Hanya Al-Quran Kitab Mukjizat.....	57
	Membaca Al-Quran di Rumah.	58
	Tanda Cinta kepada Allah SWT Adalah Mencintai Kitab-Nya.	59
	BONUS: 9 Pendedahan Yang Mungkin Mengejutkan Anda. .	61

Penulis – Suhili Nain.

Penulis buku **Pesanan Buat Diri**, terbitan PTS Islamika dan **35 Hadis Hafalan Terpilih**, terbitan Kemilau Publika dan **Sahih Fadail A'mal** terbitan Karya Bestari.

Berasal dari Kota Kinabalu, Sabah. Mendapat pendidikan awal di SK Gentisan, Teluk Sepanggar. Seterusnya bersekolah menengah di SMK Bandaraya, Kota Kinabalu.

Graduan Pusat Latihan Dakwah Kudat (2008) dan seterusnya Pusat Latihan Dakwah Keningau (2009-2010) – kini dikenali dengan Institut Pengajian Islam & Dakwah Sabah.

Mula menceburkan diri dalam bidang penulis semenjak tahun 2009. Merupakan pengkaji petua kejayaan Nabi Muhammad SAW.

Lawati Blog : www.suhili-nain.blogspot.com

Ikuti Facebook : www.facebook.com/suhili.nain



Buku **Sahih Fadail A'mal** adalah sebuah buku yang bertemakan fadail a'mal dengan menghimpunkan hadis-hadis yang berstatus sahih dan hasan sahaja. Terdiri daripada 7 bab utama:

- Fadilat Ilmu.
- Fadilat Solat.
- Fadilat Al-Quran.
- Fadilat Zikir.
- Fadilat Ramadan.
- Fadilat Menyeru Kebaikan & Mencegah Kemungkaran.
- Syurga & Neraka.

Harga serendah RM26.00 sahaja.

WhatsApp [019 8699 576](https://wa.me/0198699576) untuk tempahan.

[Saya mahu dapatkan maklumat lanjut \(klik\)](#)

Allah SWT berfirman:

“(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”

(Surah Shaad: 29)

Mengapa Tidak Berjaya Menghafal Al-Quran?

1 - Tiada Kemahuan dan Minat.

Kata Nabi SAW, setiap orang akan mendapat apa yang dia niatkan. Justeru, sekiranya kita tidak pernah ada kemahuan dan niat untuk menghafal al-Quran, maka adalah mustahil bagi kita melakukannya.

Sesuatu yang tidak pernah dibayangkan dalam minda kita, atau tidak pernah kita fikirkan untuk mencapainya, maka ia tidak akan dapat direalisasikan dalam hidup kita.

2 - Fikiran Negatif dan Kurang Keyakinan Diri.

Kita boleh belajar banyak teknik untuk menghafal al-Quran, tetapi tanpa keyakinan semua teknik itu tidak akan berguna untuk kita. Positifkan minda dan yakinlah, meskipun menghafal itu susah, ia tidak mustahil buat kita.

Menghafal al-Quran, bukanlah soal otak yang pintar dan genius, tetapi lebih kepada fikiran yang positif.

Orang yang mempunyai otak yang genius, tetapi mempunyai fikiran negatif, akan dipintas oleh mereka yang tidak genius namun berfikiran positif.

Minda yang negatif, umpama tanah yang tidak baik, ia tidak akan dapat menumbuhkan pokok. Manakala, minda yang positif pula adalah seumpama tanah yang baik akan menumbuhkan apa sahaja benih pokok yang diletak di atasnya.

3 - Tidak Tahu Kaedah Menghafal yang Sesuai.

Mahu daki gunung, kena tahu laluan yang betul. Kalau kita mendaki tanpa ilmu, tidak tahu laluan yang betul, silap hari bulan kita jatuh dalam gaung dan cerun. Pendakian menuju puncak juga menjadi susah.

Demikian juga, menghafal al-Quran kita perlu tahu kaedah dan tekniknya. Barulah, usaha 'pendakian' menjadi lebih mudah.

**Bahagian 1:
22 Petua Mudah
Hafal Al-Quran.**

1. Niat dan Kemahuan

- Setiap amalan itu dengan niat. Harus ada niat dan kemahuan yang bersungguh-sungguh untuk menghafal al-Quran. Dengan niat baru akan ada tindakan untuk menghafal al-Quran.
- Kita juga harus tahu mengapa kita mahu menghafal al-Quran dan mestilah mempunyai sebab yang kukuh untuk menghafalnya.
- Menghafal al-Quran adalah ibadah yang dipuji dalam Islam, maka tidak seharusnya ia dilakukan kerana selain Allah SWT. Tanamkan niat yang ikhlas dalam diri kita.
- Dalam hadis disebutkan, antara orang yang terawal masuk Neraka adalah orang yang melazimi al-Quran dengan niat yang tidak ikhlas dan dia melakukannya dengan riyak dan mahukan pujian manusia.

2. Mulakan Sekarang.

- Menghafal al-Quran satu ibadah yang mulia yang tidak sewajarnya ditunda-tunda.
- Semakin awal kita memulakan usaha untuk menghafal al-Quran, maka semakin cepat juga kita akan selesai untuk menghafal al-Quran.
- Jangan fikirkan betapa lamanya masa yang kita bakal tempuhi dan perlu untuk menghafal al-Quran. Sebaliknya fokuskan, apa hasil yang kita akan perolehi nanti. Apa yang kita akan dapat?
- Bayangkan, jika kita mula menghafal sekarang, setiap hari, minggu dan bulan, 5 tahun akan datang di mana sudah kedudukan kita?
- Tempoh kita menghafal mungkin memakan masa yang lama, tetapi bila masa sudah berlalu, semuanya akan rasa sebentar sahaja. Pejam celik, sudah 5 tahun berlalu, jumlah hafalan kita juga sudah bertambah.
- Terdapat beberapa cara memulakan hafalan al-Quran.

- **Pertama:** Bermula daripada juzuk 30, seterusnya 29, setelah itu bermula daripada juzuk 1 hingga 28. Ini cara memulakan hafalan bagi kebanyakan penghafal.
Ini cara yang amat baik. Memulakan daripada surah-surah lazim yang pendek dahulu, kemudian baru berpindah ke surah panjang.
 - **Kedua:** Bermula daripada juzuk 1, sehingga juzuk 30, mengikut urutan. Jika mahu mula terus daripada juzuk 1 sehingga juzuk 30, harus memulakan hafalan sedikit demi sedikit, agar tidak lelah dan berputus asa untuk terus menghafal.
Misalnya, hafal 3 baris setiap hari. Apabila sudah biasa menghafal dan semakin selesa, baru tambah bilangan hafalan setiap hari.
 - **Ketiga:** Bermula daripada juzuk 30, seterusnya surah panjang yang popular seperti Yasin, al-Mulk, as-Sajadah, al-Waqiah, an-Naba, al-Muzammil, al-Jumuah, al-Insan dan beberapa surah lain, kemudian baru mulakan daripada juzuk 1.
- Kuncinya, dalam usaha menghafal al-Quran, mulakan dengan langkah yang kecil dan mudah terlebih dahulu.

3. Tetapkan Tempoh yang Jelas

- Bilakah kita mahu selesai meng 30 juzuk al-Quran? Ini adalah amat penting. Dengan wujudnya tarikh akhir, barulah kita akan ada matlamat yang jelas dan mengelakkan kita daripada menunda-nunda.
- Ada orang dapat selesaikan hafalan al-Quran mereka dalam tempoh 1 tahun, 3 tahun dan ada juga yang sehingga tempoh 5 tahun.
- Tetapkan tempoh kita ingin selesai menghafal al-Quran, sesuai dengan kemampuan kita. Ukur baju di badan sendiri. Jangan bandingkan diri kita dengan orang lain. Setiap manusia berbeza-beza kemampuannya.
- Lamanya kita menghafal tidak penting, apa yang penting adalah kita terus berusaha secara konsisten untuk meningkatkan hafalan al-Quran kita.

4. Pecahkan Menjadi Bahagian Kecil.

- Selepas kita mempunyai tempoh akhir yang jelas, pecahkan langkah menghafal kita menjadi bahagian-bahagian kecil.

- Contoh pecahan matlamat:
 - Habis menghafal dalam masa 15 tahun.
 - Harus hafal 2 juzuk setiap tahun.
 - Bulan Januari-Mei, hafal 1 juzuk. Bulan Jun fokus untuk mengulang semua.
 - Bulan Julai-November, hafal 1 juzuk. Bulan Disember fokus untuk mengulang.
 - setiap minggu, hafal 1 halaman sahaja. Isnin-jumaat menghafal, sabtu dan ahad fokus untuk mengulang.
 - 1 hari menghafal 3 baris sahaja.

- Buat jadual harian untuk menghafal. Misalnya:
 - Menghafal 3 baris waktu subuh. Waktu zuhur, ashar, maghrib dan isyak adalah fokus untuk mengulang hafalan.

5. Menghafal Waktu Pagi.

- Berdasarkan perkongsian para penghafal al-Quran, menghafal pada waktu pagi adalah lebih mudah.
- Pada awal pagi fikiran kita belum sesak dengan pelbagai urusan harian, justeru ayat-ayat al-Quran lebih mudah meresap ke dalam minda kita berbanding waktu lain.
- Nabi Muhammad SAW ada doakan kebaikan bagi umatnya yang melaksanakan usaha di awal pagi. Justeru, waktu pagi adalah waktu yang berkat untuk memulakan satu usaha yang baik.
- Usahalah menghafal sebelum waktu subuh, yakni waktu sahur dan selepas subuh dan alami sendiri pengalaman hafalan yang mudah, Insya-Allah.
- Memulakan hari kita dengan al-Quran, insya-Allah, kehidupan kita akan lebih diberkati dan dirahmati oleh Allah SWT.

6. Cari Guru atau Mentor.

- Jika kita dapat cari guru atau mentor dalam usaha menghafal al-Quran, ini lebih baik. Mentor adalah mereka yang sudah capai tahap yang kita mahu capai.
- Sekiranya kita dapat bertalaqqi al-Quran dengan guru yang mempunyai sanad al-Quran, itu lebih baik. Apabila khatam membaca atau menghafal, mohonlah guru tersebut agar ijazahkan kepada kita sanad al-Quran.
- Jika tidak bertemu dengan mentor yang berkelayakan atau kita temui, namun masa tidak mengizinkan, jangan berputus asa.
- Tidak semestinya kita perlu menghadap guru atau mentor setiap hari. Mungkin kita mohon bertemu sebulan sekali untuk bertadarus bersamanya agar dia menyemak hafalan kita dan memberikan dorongan daripada masa ke semasa.

Rasulullah SAW bersabda:

“Sesungguhnya seorang yang tidak ada sedikit pun al-Quran dalam hatinya adalah seperti rumah yang roboh.”

(Sunan at-Tirmidzi, 10/155)

7. Gunakan 1 Mushaf Khusus.

- Ini petua yang diberikan oleh para penghafal al-Quran. Gunakan 1 mushaf sahaja dan jangan bertukar-tukar mushaf al-Quran.
- Pilih 1 mushaf dan gunakanlah ia menghafal sehingga akhirnya. Jika mushaf itu hilang atau rosak, usaha dapatkan mushaf seumpamanya.
- Mengapa? Ini kerana manusia menghafal secara visual dan imej. Apabila kita menghafal, imej halaman mushaf itu akan wujud dalam minda.
- Apabila kita bertukar-tukar mushaf, proses hafalan mungkin menjadi sedikit sukar dan celaru, kerana imej yang tidak konsisten dalam minda kita.
- Jangan menukar mushaf, semata-mata kerana tertarik dengan mushaf-mushaf baru yang cantik rekaannya.

8. Pilih Sahabat dan Kawan.

- Berdasarkan kajian pakar psikologi, mereka yang rapat dan berada di sekeliling kita mempunyai pengaruh besar dan membentuk siapa diri kita.
- Pilihlah sahabat yang dapat membantu kita dalam menghafal dan mempunyai matlamat sama seperti kita. Dengan itu, kita dapat saling mendorong antara satu sama lain.
- Jauhi atau kurangkan bergaul dengan orang-orang negatif dan melemahkan semangat kita untuk menghafal al-Quran. Elakkan bergaul dengan mereka yang gemar merendah-rendahkan usaha kita.
- Memang benar, tiada manusia yang lepas daripada silap dan buruk. Namun, pilihlah manusia yang banyak kebaikan berbanding keburukan dalam dirinya untuk dijadikan sahabat kita, agar mereka bantu kita menjadi orang yang baik.
- Kita boleh berlumba-lumba menghafal al-Quran dengan sahabat kita.

9. Jauhi Maksiat.

- Al-Quran adalah cahaya. Maksiat dan dosa adalah kegelapan. Cahaya dan kegelapan tidak akan berhimpun kedua-duanya dalam satu tempat. Apabila yang satu hadir, yang satu lagi akan sirna.
- Bergelumang dengan dosa, akan memadamkan cahaya al-Quran yang berada dalam hati dan membuatkan seseorang terlupa hafalannya. Bukan itu sahaja, usaha menghafal al-Quran juga menjadi sukar.
- Apabila kita biasa buat dosa dan maksiat tanpa bertaubat, suatu saat ia akan buat kita berpaling daripada al-Quran. Anggota badan kita tidak akan merasa nikmat melakukan kebaikan.
- Apabila kita tidak jaga mata daripada perkara haram, ia akan bagi kesan pada hati dan mata kita dengan buat mata kita tidak rasa seronok menatap perkara baik seperti menatap mushaf al-Quran.
- Apabila kita asyik isi hati kita dengan muzik dan perkara haram, maka hati itu tidak akan rasa seronok menerima hafalan al-Quran.

- Apabila terjebak dalam dosa dan maksiat, segeralah bertaubat kepada Allah SWT. Jangan biarkan diri terus dalam kelalaian.
- Jadikan istighfar lebih 70 kali sehari sebagai amalan. Ia adalah sunnah dan amalan Nabi Muhammad SAW setiap hari.

10. Berdoa Kepada Allah SWT.

- Al-Quran adalah kalam Allah, ia adalah wahyu daripada Allah SWT. Justeru, untuk menghafalnya mintalah kepada Allah SWT.
- Bagi menyerap dan menanamkan wahyu Allah dalam jiwa kita, sentiasalah berdoalah kepada-Nya.
- Jauhi makan minum, pakaian dan benda yang syubhat dan haram. Ia boleh menghibab doa kita daripada dimakbulkan oleh Allah SWT.
- Perbanyakkan doa pada waktu yang mustajab. Di antara waktu yang mustajab untuk berdoa adalah:
 - (1) Hari jumaat, selepas waktu solat Ashar.
 - (2) Waktu sahur, di akhir malam.
 - (3) Di antara azan dan iqamat.
 - (4) Lepas mendirikan solat sunat 2 rakaat.
- Berdoalah dengan khusyuk dan tawadhuk memohon pertolongan Allah SWT.

Rasulullah SAW bersabda:

“Tidaklah suatu kaum berkumpul di salah satu rumah daripada rumah-rumah Allah, mereka membaca kitab Allah dan saling mengajarkannya di antara mereka, melainkan diturunkan ke atas mereka sakinah, rahmat menyirami mereka, para malaikat mengerumuni mereka, dan Allah menyebut-nyebut mereka di kalangan (malaikat) yang ada disisiNya.” (Sunan Abu Dawud, 4/248)

11. Ulang Hafalan Setiap Hari.

- Sengaja saya masukkan petua ini secara khusus, sebab terkadang kita lalai untuk mengulang hafalan al-Quran.
- Mengulang hafalan adalah amat penting. Jika kita sambil lewa dalam mengulang hafalan, akibatnya amatlah teruk. Kita mungkin terpaksa memulakan semula usaha menghafal al-Quran.
- Nabi Muhammad SAW pernah mengatakan, al-Quran adalah lebih mudah terlepas berbanding unta yang diingat dengan talinya. Jadi, jangan remehkan perkara ini.
- Dalam siri 27, *Traveler with the Quran*, Syaikh Fahad al-Kandari beri satu tip agar hafalan lebih melekat dalam ingatan.
 - Selepas selesai hafal harian kita, hendaklah kita mengulang baca semula dengan melihat mushaf.
 - Ulang sebanyak 15 kali, paling kurang, dengan mata kita fokus kepada halaman mushaf. Tanpa mengalihkan pandangan kita ke tempat lain.

- Dalam rakaman diskusi buku 'Apabila Tuhan Berbicara' oleh Ustaz Abdullah Bukhari, beliau kongsi tentang petua berkaitan hafalan al-Quran.
 - Selepas khatam hafalan al-Quran, 10 tahun pertama adalah masa yang amat kritikal. Seorang penghafal perlu terus murajaah atau mengulang hafalannya.
 - Jika gagal mendisiplinkan diri dalam mengulang tempoh 10 tahun selepas khatam hafalan ini, maka hafalan akan hilang sehingga terpaksa menghafal semula.
- Ada pelbagai cara murajaah atau mengulang hafalan yang boleh kita dilakukan. Satu cara yang pernah saya pelajari adalah salah satunya dengan membaca 1/7 hafalan setiap hari. Dengan itu dalam masa seminggu, kita akan berjaya khatam semua hafalan kita.
- Sekiranya hafalan kita masih sedikit seperti 1 atau 2 juzuk, jika dapat mengulang 1 juzuk sehari tanpa rasa bosan, maka itu lebih baik. Lebih banyak kita mengulang, maka hafalan kita akan lebih kukuh.

12. Manfaatkan Bulan Ramadhan.

- Apabila menjelang bulan Ramadhan, usaha untuk lebih dekatkan diri kita dengan al-Quran. Para ulama, apabila menjelang Ramadhan mereka akan beri fokus yang khusus kepada al-Quran.
- Memakmurkan bulan Ramadhan dan mengkhawatirkan al-Quran padanya adalah Sunnah Nabi Muhammad SAW. Setiap Ramadhan malaikat Jibril AS turun untuk bertadarus al-Quran dengan baginda SAW.
- Dalam bulan yang berkat ini, dalam keadaan perut yang kosong dan tidak banyak makanan, biasanya minda akan menjadi lebih tenang untuk menghafal al-Quran.
- Dengan banyaknya gandaan pahala pada bulan Ramadhan, sangat rugilah sesiapa yang mengabaikan al-Quran pada bulan yang mulia ini.

13. Fahami Al-Quran.

- Apabila menghafal al-Quran, cuba fahami ayat al-Quran yang kita hafal.
- Dengan memahami, proses menghafal jadi lebih mudah. Kita juga mudah mengingati susunan ayat yang dihafal, terutamanya bagi ayat yang berbentuk kronologi cerita.
- Jika berpeluang belajar ilmu Bahasa Arab, nahwu dan sharaf dan ilmu lainnya. Penguasaan ilmu Bahasa Arab boleh ini memang amat membantu.
- Di negara Arab, pernah antara mereka yang menghafal 30 juzuk dalam tempoh beberapa bulan sahaja, kerana mereka faham bahasa Arab yang merupakan bahasa al-Quran.
- Amat rugilah sekiranya kita hanya menghafal dengan mengenal huruf, kalimah dan ayat, namun tidak memahami makna ayat al-Quran. Banyak hikmah dan ilmu yang dapat kita pelajari daripadanya. Memahaminya adalah kunci menguasai ilmu Islam.

14. Tulis atau Salin.

- Menyalin al-Quran antara kaedah yang berkesan dalam menghafal.
- Saya pernah menonton di Youtube, rancangan *Traveller with The Quran*, pengacaranya Shaikh Fahad al-Kandari. Dalam satu episod, dipaparkan di Maghribi atau Morocco, mereka amalkan kaedah ini.
- Di Maghribi, sesiapa yang mahu menghafal 30 juzuk al-Quran, maka dia hendaklah menulis 30 juzuk itu dengan tangan sendiri. Mereka menghafal daripada tulisan tangan sendiri dan tidak melihat mushaf bercetak.
- Dengan menulis al-Quran, kita akan lebih fokus dan lebih *alert* terhadap tanda-tanda baca dan huruf bagi ayat yang kita hafal, berbanding semata-mata membacanya untuk menghafal.
- Menulis ayat al-Quran mampu merangsang minda separa sedar kita, agar ayat-ayat al-Quran yang dihafal lebih mudah meresap ke dalam ingatan kita.

15. Dengar Bacaan Al-Quran.

- Ada waktu kita mungkin tidak dapat membaca al-Quran, kerana ada keuzuran atau disebabkan sakit tekak dan seumpamanya. Apabila ini berlaku, bertenang dan tukarkan aktiviti kita buat sementara dengan mendengar bacaan al-Quran.
- Dapatkan rakaman al-Quran daripada para Qariy atau pembaca al-Quran yang elok dan baik bacaannya untuk kita dengar dan ambil manfaat.
- Jika kita mempunyai Qariy kegemaran dengan suara yang merdu, boleh juga kita meniru lenggok bacaannya. Itu akan membuatkan usaha kita menghafal al-Quran menjadi lebih seronok.
- Pada saat ini ada aplikasi al-Quran yang boleh kita *install* dalam telefon pintar dan mainkan beberapa ayat yang kita kehendaki secara berulang kali.

Rasulullah SAW bersabda:

***“(Pada hari Kiamat kelak) akan diseru kepada ahli al-Quran:
“Bacalah dan teruslah naik, bacalah dengan tartil seperti
yang engkau telah membaca dengan tartil di dunia, kerana
sesungguhnya tempatmu adalah pada akhir ayat yang
engkau baca!”***

(Musnad Ahmad, 11/404)

16. Baca Dalam Solat.

- Di antara waktu yang terbaik dalam mengulang dan mengelakkan lupa adalah dengan baca surah dan ayat kita telah hafal dalam solat.
- Sekiranya kita terlupa atau ragu-ragu ketika solat, pastikan kita ingat masalah itu dan rujuk mushaf sebaik sahaja kita selesai solat dan perbaiki hafalan kita.
- Misalnya, hari ini kita telah menghafal 5 ayat pada waktu subuh. Apabila masuk waktu Solat Maghrib dan Solat Isyak, bacalah yang kita hafal apabila menjadi imam dalam solat.
- Jika tidak berpeluang menjadi imam solat, bacalah ia dalam solat sunat, terutama ketika Solat Tahajjud.
- Membaca dalam solat juga akan membuatkan solat menjadi lebih seronok dan menyenangkan.

17. Jadilah Al-Quran Yang Berjalan.

- Al-Quran diturunkan bukan semata dibaca dan difahami, ia adalah untuk diamal dalam hidup kita.
- Jadikan al-Quran sebagai manual atau panduan hidup untuk mendapat redha Allah SWT.
- Apabila kita beramal dengan al-Quran, ia akan membela kita di akhirat kelak. Apabila kita menyanggahi al-Quran, walau kita menghafalnya, nanti ia akan menjadi hujah ke atas kita.
- Jangan menjadi seperti burung kakak tua yang mengulang-ngulang satu kalimah, namun ia tidak memahaminya apatah lagi mengamalkannya.
- Usahakan baca, hafal, faham dan amal dalam hidup kita. Jadilah *The Walking Quran* atau al-Quran yang berjalan dan hidup di tengah masyarakat.

18. Ajarkan Al-Quran.

- Nabi Muhammad SAW menyatakan, sebaik-baik manusia adalah yang belajar al-Quran dan mengajarkannya.
- Apabila kita mengajar al-Quran, kita akan lebih faham terhadap al-Quran. Banyak ilmu baru dan perkara yang mungkin kurang kita fahami akan kita perolehi. Ini berdasarkan pengalaman para pengajar al-Quran.
- Mengajar al-Quran dengan orang lain, ia akan menjadi pahala yang mengalir, meskipun kita hanya mengajarkan kepadanya 1 ayat atau 1 surah pendek.
- Bagi ibubapa, mengajarkan anak-anak al-Quran adalah satu peluang besar untuk meraih pahala yang banyak dan sentiasa mengalir. Setiap kali anak-anak membaca al-Quran, dalam solat dan diluar solat ibubapa akan dapat pahala.

Allah SWT berfirman:

“Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua.”

(Surah al-Israa': 82)

19. Utamakan Kualiti Hafalan.

- Dalam menghafal, utamakan kualiti hafalan berbanding cepat habis hafalan. Pastikan hafalan kita melekat dengan kukuh, sebelum memulakan hafalan berikutnya.
- Yang penting bukan berapa cepat kita hafal, tetapi sejauh mana kualiti hafalan al-Quran kita.
- Pastikan kita menghafal dan membaca ayat atau surah hafalan mengikut hukum tajwid yang betul. Bukan sekadar baca pantas, namun hukum tajwid dalam pembacaan kurang dititik beratkan.
- Sedikit yang kita hafal dan kukuh, lebih banyak daripada banyak yang kita hafal tetapi kurang kukuh.
- Mula dengan menghafal sedikit-sedikit dahulu. Nanti, insya-Allah, kita akan dapat menghafal banyak. Seperti belajar berenang, kita mula di tempat cetek dahulu, jangan terus ke laut dalam.
- Nabi Muhammad SAW menyatakan dalam hadis riwayat al-Bukhari, amalan (sunat) yang paling disukai Allah adalah yang dibuat secara berterusan walaupun sedikit.

- Hafalan sedikit demi sedikit yang kita buat tetapi berterusan itu lebih baik bagi kita, daripada kita menghafal banyak dalam satu masa tetapi tidak berterusan.
- Misalnya, menghafal al-Quran sebanyak 3 baris setiap hari secara berterusan. Itu lebih baik daripada kita hafal 3 muka surat dalam sehari, tetapi jarang-jarang dilakukan.
- Demikian juga, murajaah atau mengulang hafalan sedikit demi sedikit dengan berterusan setiap hari, itu lebih baik daripada kita mengulang banyak hafalan, tetapi jarang-jarang, seperti sebulan sekali.
- Namun, jika kita dapat melakukan murajaah dan menghafal dengan jumlah yang banyak tanpa jemu dan melakukannya secara konsisten, pastinya itu lebih baik.

20. Bersederhana Dalam Usaha.

- Dalam usaha menghafal al-Quran kita tidak boleh begitu memanjakan diri dan tidak boleh juga terlampau memaksa diri.
- Apabila kita tidak dapat mencapai target harian atau minggu dalam menghafal, kerana ada komitmen lain, janganlah rasa begitu kecewa dan tertekan.
- Jangan fikir negatif apabila kita kurang capai target harian. Positifkan minda kita dan terus berusaha dalam menghafal.
- Ingat, usaha menghafal al-Quran bukan seperti graf yang sentiasa naik dengan lancar. Ada turun naiknya juga. Apa yang penting, kita usaha ia dapat kedudukan meningkat dalam jangka masa panjang.
- Sekiranya kita tidak belajar di Pusat atau Ma'had Tahfiz dan bekerja atau belajar dalam bidang lain, saya fikir, tidak ada salahnya kita mengambil masa yang lama untuk mengkhataamkan usaha menghafal al-Quran, meskipun sehingga memakan masa lebih 10 tahun. Apa yang penting usaha menghafal itu ada.

21. Jangan Putus Asa.

- Apabila kita berusaha menghafal al-Quran, iblis dan syaithan akan berusaha untuk menggagalkan usaha kita. Dia akan kirim pelbagai godaan agar kita tersasar.
- Menghadapi pelbagai godaan itu pastinya tidak mudah, tetapi ingatlah, di sebalik kesusahan menghadapinya ada ganjaran yang amat besar buat diri kita.
- Menghafal al-Quran, bukanlah usaha kosong. Ia adalah pelaburan. Kita laburkan masa, tenaga dan usia kita dunia, di akhirat nanti kita akan menikmati pulangnya.
- Menghafal al-Quran memerlukan persediaan daripada segi mental dan fizikal bagi seseorang penghafal al-Quran.
- Apabila kita rasa hendak mengalah dan berputus asa, bayangkan betapa banyaknya keuntungan yang bakal terlepas daripada diri kita dan betapa gembira iblis dan syaithan melihat kita kalah.
- Kita tidak boleh mengalah. Teruskan berusaha!

22. Raikan Kejayaan Kecil.

- Tidak perlu tunggu selesai menghafal 30 juzuk untuk meraih kejayaan kita. Ia mungkin terlalu jauh sehingga kita merasa lelah.
- Raikan kejayaan-kejayaan kecil yang kita capai dalam usaha menghafal al-Quran. Misalnya, apabila berjaya menghafal 1 juzuk al-Quran, raikannya dengan berikan diri kita ganjaran atau hadiah.
- Mungkin kita mahu ganjarkan diri dengan makan malam bersama keluarga bagi meraikannya, atau berikan diri kita sebuah pakaian baru atau telefon pintar atau perkara-perkara yang sesuai dengan keadaan kita.
- Mengamalkan perkara ini ia boleh membantu kita untuk mendorong diri sendiri agar lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh memburu kejayaan menghafal al-Quran 30 juzuk, insya-Allah.
- Berdasarkan kajian pakar psikologi, apabila sesuatu ganjaran diberikan pada seseorang selepas melakukan sesuatu perbuatan, maka mereka akan bersemangat dan cenderung untuk mengulangi semula perbuatan

tersebut sehinggalah ia menjadi tabiat yang berlaku tanpa rasa berat dan rasa terpaksa.

- Meraihkan kejayaan kecil, mampu membentuk tabiat menghafal al-Quran yang berkesan dalam diri kita.

Bahagian 2: Bicara Tentang Al-Quran.

Berkat Membaca Al-Quran.

Telah berkata adh-Dhiya al-Maqdisi:

كنت إذا قرأت (القرآن) كثيراً تيسر لي من سماع الحديث وكتابته
الكثير ، وإذا لم أقرأ لم يتيسر لي.

"Bila aku membaca al-Quran dengan banyak, maka menjadi mudah bagiku untuk mendengar hadis dan menulisnya dengan banyak. Bila aku tidak membaca al-Quran, maka ia tidak menjadi mudah bagiku."

Permulaan Ilmu Menghafal Al-Quran.

Telah berkata Ibn Abdil Barr:

فأول العلم حفظ كتاب الله عز وجل وتفهمه

"Adalah awal ilmu itu menghafal kitab Allah 'azza wa jalla dan memahami."

Al-Quran adalah sumber pertama ilmu Islam. Al-Quran menjadi dalil kepada hukum-hukum Islam.

Bila kita hafal al-Quran dan berusaha memahaminya, kita akan dapat menguasai banyak ilmu dalam Islam.

Al-Quran Sebagai Buku Manual Kehidupan.

Apabila beli televisyen, telefon dan kereta, bersama pembelian itu akan disertakan buku manual atau panduan bagaimana untuk kita menggunakan benda-benda tersebut.

Apabila kita langgar panduan yang disebut dalam buku manual itu, mungkin masalah akan berlaku atau benda yang kita beli tidak dapat berfungsi dengan baik dan sesuai dengan penciptaannya.

Begitu juga manusia, bila Allah SWT cipta manusia, bersamanya Dia ada sertakan "buku manual" yang akan menunjukkan dan menjelaskan kepada manusia bagaimana mahu jalani hidup di dunia.

Setiap fasa manusia mempunyai "buku manual" yang berbeza. Misalnya, buku manual bagi fasa Nabi Musa a.s. adalah Taurat.

Manakala, "buku manual" bagi fasa umat Nabi Muhammad SAW dan akhir zaman adalah al-Quran. Bila seseorang baca al-Quran, fahami al-Quran dan amalkan al-Quran, insya' Allah, dia akan dapat jalani hidup yang seimbang dan baik.

Bila manusia sekarang abaikan al-Quran sebagai manual hidup, maka akan berlaku pelbagai masalah dalam hidup, tiada keseimbangan, tiada keberkatan dan akan berlaku perkara yang tidak diingini kepadanya, di dunia dan akhirat.

Aplikasi Al-Quran dalam Telefon Pintar.

Tiada masalah install aplikasi al-Quran dalam telefon pintar kita. Telefon pintar itu kita boleh bawa masuk ke tandas.

Aplikasi al-Quran yang tersimpan dalam telefon tanpa dipaparkan seumpama hafalan dalam dada kita. Kita hafal al-Quran, masa dalam tandas jangan pula baca ayat hafalan kita.

Yang tidak boleh adalah apabila kita paparkan ayat al-Quran pada skrin telefon pintar lalu bawa masuk ke tandas. Itu yang tidak boleh dan dilarang.

Menghafal dan Mengulang dalam Perjalanan.

Pada setiap hari, kita mungkin akan meluangkan masa lebih kurang 30 minit - 1 jam dalam kenderaan untuk pergi ke tempat kerja. Ada juga yang habiskan masa dalam kenderaan lebih 2 jam sehari. Pergi dan balik.

Dalam masa yang lama ini, ada yang memandu sambil dengar radio, kalau naik bas ada yang ambil kesempatan dan mengisi masa ini dengan main game, dengar lagu dan sebagainya.

Bagi yang menghafal al-Quran, dicadangkan, isilah masa-masa ini dengan perkara yang bermanfaat iaitu menghafal dan mengulang hafalan kita.

Kita boleh mengulang hafalan al-Quran sambil memandu atau dengar rakaman mp3, bacaan para Qari. Dengan itu hafalan al-Quran kita akan bertambah hari demi hari dan semakin hari semakin kuat.

Diceritakan dalam *Traveller with The Quran*, terdapat seseorang yang meluangkan masanya dalam kenderaan saat pergi dan pulang kerja untuk al-Quran. Akhirnya dia berjaya menghafal 30 juzuk al-Quran.

Hafalan Nombor Ayat Bagi Surah Al-Quran.

Adakah kamu pernah dengar atau saksikan orang yang hafal al-Quran dengan nombor surah sekali? Sebut sahaja nama surah dan nombor ayat, dia akan bacakan untuk kamu ayat itu dengan tepat.

Ingin tahu kaedahnya?

Kaedah ini didedahkan oleh Syaikh Jihad al-Maliki, seorang penghafal al-Quran daripada Arab Saudi. Beliau seorang yang tidak dapat melihat.

Caranya, apabila kita baca ayat al-Quran, sebutlah nombor ayat itu kuat-kuat, seperti kita membaca ayat-ayat al-Quran. Mungkin kaedah ini kelihatan leceh, tetapi ini kaedah yang berkesan. Ini ketika fasa menghafal dan mengulang, jangan pula kita sebut nombor ayat masa mengimamkan solat.

Apabila menghafal, fokuskan minda kita untuk turut ingat nombor ayat yang kita sedang hafal, insya' Allah, kita akan dapat mengingat nombor-nombor ayat bagi surah yang kita hafal.

Menambah Iman dengan Al-Quran.

Di antara manfaat membaca, menghafal dan mentadabburi al-Quran ia akan meningkatkan dan menyuburkan iman seseorang.

وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا

"...dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, bertambah keimanan mereka..." [Surat al-Anfal: 2]

Justeru, apabila kita rasa iman kita berkurang dan lemah, bacalah al-Quran dan renungilah maknanya.

Jika kita hafal, maka itu lebih baik. Dengan itu al-Quran akan bersama kita di mana sahaja kita berada.

Peta Menuju Syurga.

Adakah kita mahu kalau ada orang berikan kita peta harta karun yang bernilai jutaan, billion dan trillion ringgit seterusnya jadikan kita orang terkaya di dunia? Saya percaya, kita akan suka tentangnya.

Sesungguhnya, Allah SWT telah bagi bagi kita peta yang lebih bernilai daripada peta itu. Allah SWT telah bagi kita peta menuju Syurga.

Apakah dia peta menuju Syurga itu?

Ketahuilah, peta menuju Syurga itu adalah al-Quran. Justeru, janganlah kita mensia-siakannya.

Bacalah Tafsir Al-Quran.

Buat para penghafal al-Quran, saya cadangkan miliki kitab tafsir al-Quran. Sambil menghafal cuba fahami dan tadabbur ayat yang kita hafal.

Dengan berusaha memahami ayat al-Quran yang dihafal, ia akan buat usaha menghafal al-Quran jadi lebih seronok dan kuat melekat dalam ingatan.

Selain itu, dengan menghafal bertemankan kitab tafsir al-Quran ia dapat mengelakkan kita tersilap dalam memahami ayat yang kita sedang hafal.

Sesungguhnya, membaca, mempelajari dan menghafal al-Quran akan menghidupkan hati seperti mana air hujan menghidupkan dan menyuburkan tanaman.

Menyemai Al-Quran dalam Minda Anak

Sekiranya kita sudah berkeluarga dan mempunyai anak kecil, cara yang kimu boleh biasakan anak dengan al-Quran, bacakan dia al-Quran sebelum tidur.

Apabila orang lain bacakan buku cerita untuk anak mereka sebelum tidur, kita pula bacakan surah-surah lazim untuk anak.

Bacalah beberapa surah secara konsisten, insya' Allah, suatu ketika mereka akan dapat menghafalnya. Boleh juga satu, dua atau tiga ayat pendek.

Apabila kita sudah tiada, ia akan jadi kenangan manis buat anak kita, "Dahulu masa kecil, setiap kali sebelum tidur ayah atau ibu selalu bacakan saya al-Quran."

Menghafal Al-Quran Kewajiban Penuntut Ilmu.

Berkata Syaikh Muhammad bin Shaleh al-Utsaimin:

يجب على طلبة العلم الحرص على حفظ القرآن والعمل به
والدعوة إليه وفهمه فهما مطابقا لفهم السلف الصالح

“Wajib atas penuntut ilmu mempunyai sikap mengambil berat dalam usaha menghafal al-Quran, beramal dengannya dan mengajak kepadanya serta memahaminya sesuai dengan kefahaman Salafus Soleh.” (Kitab al-Ilm, hal. 53)

Kereta, Hati dan Al-Quran.

Kereta bila kita tidak jaga, tidak selenggara daripada masa ke semasa, lama-lama ia akan rosak dan bermasalah.

Bila kereta sudah rosak dan bermasalah, perjalanan tidak lancar, terhenti tengah jalan, tidak dapat bergerak dan sebagainya.

Begitu juga hati kita. Kalau tidak dijaga dan diselenggara, lama-lama ia akan rosak, bermasalah dan sakit. Bila hati sudah sakit dan bermasalah, maka susah atau tidak dapatlah ia bergerak menuju Syurga.

Di mana mahu selenggara hati yang sakit dan rosak? Buka al-Quran, baca, fahami dan amalkan. Sesungguhnya ia adalah penawar bagi hati kita.

Hanya Al-Quran Kitab Mukjizat.

Saya baca dalam Shahih Tafsir Ibnu Katsir, rupanya majoriti ulama berpendapat kitab Taurat, Zabur dan Injil bukanlah mukjizat para nabi yang menerimanya.

Kitab yang menjadi mukjizat hanyalah a-Quran sahaja. Ada pun kitab selain al-Quran yang diturunkan, ia sememangnya wahyu, tetapi Allah tidak menjadi ia mukjizat para nabi-nabi tersebut.

Membaca Al-Quran di Rumah.

Membaca al-Quran bukan sahaja dianjurkan di masjid. Bahkan di rumah juga.

Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ مَقَابِرَ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْفِرُ مِنَ الْبَيْتِ الَّذِي تُقْرَأُ فِيهِ سُورَةُ الْبَقَرَةِ

“Janganlah kamu jadikan rumah-rumah kamu seperti kuburan. Sesungguhnya syaithan menyingkir daripada rumah yang dibacakan padanya Surah al-Baqarah.” (Shahih Muslim, 4/182)

Dalam sebuah atsar daripada Abu Hurairah r.a. dinyatakan rumah yang dibaca padanya akan terasa luas bagi ahlinya, syaithan akan lari daripada. Sebaliknya, rumah yang tidak dibaca padanya al-Quran akan terasa sempit bagi ahlinya.

Sekiranya kita rasa tidak senang, tidak aman duduk di rumah, cuba semak semula keadaan rumah kita. Adakah ia dihidupkan dengan ibadah atau sebaliknya.

Tanda Cinta kepada Allah SWT Adalah Mencintai Kitab-Nya.

Bila kita benar-benar suka atau cinta pada seseorang, maka kita akan suka atau cinta perkara yang berkaitan dirinya.

Kalau yang kita suka itu penulis, maka kita akan kumpul buku-buku dia dan baca. Sering kali tidak puas membacanya sekali sahaja.

Bila jumpa orang lain pula, kita akan cakap berkaitan dia atau karyanya yang hebat. Betul bukan? Itulah sikap para pencinta sejati terhadap orang yang dicintainya.

Demikian juga, sikap para pencinta Allah SWT yang sebenar-benarnya. Mereka akan cinta perkara berkaitan Allah SWT.

Tanda yang paling jelas pada pencinta Allah SWT, mereka suka membaca dan berdamping dengan kitab Allah. Tiada sehari pun berlalu tanpa mereka menelaah kitab Allah SWT.

----- TAMAT -----

Tahniah berjaya habiskan ebook kecil ini!

Semoga Allah SWT memberkati dan mempermudah usaha saya dan anda untuk menghafal al-Quran.

Berminat dapatkan kemas kini informasi yang menarik?

Jemput Follow Facebook saya.

www.facebook.com/suhili.nain

- SUHILI NAIN -
Kota Kinabalu, Sabah.

BONUS: 9 Pendedahan Yang Mungkin Mengejutkan Anda.

Anda cuma perlu klik sahaja teks di bawah, anda akan di bawa ke blog yang menyiarkan artikel ini:

1. [Hadis palsu 15 azab dahsyat meninggalkan solat.](#)
2. [Hadis palsu tentang sifat Neraka.](#)
3. [Hadis palsu dosa meninggalkan setiap waktu solat.](#)
4. [Hadis palsu peristiwa penciptaan malaikat Jibril.](#)
5. [Hadis palsu kelebihan memandang wajah ulama.](#)
6. [Hadis palsu tentang pesan Nabi SAW kepada Ali RA.](#)
7. [Hadis palsu azab kubur diangkat kerana ulama.](#)
8. [Hadis palsu malaikat maut melawat 70 kali sehari.](#)
9. [Kisah palsu Hasan al-Basri melamar Rabiah al-Adawiyah.](#)